

A. Padankan simpulan Bahasa (Petak A) dengan ertinya (Petak B).

Petak A

Air muka

Alas cakap

Khabar angin

Minta diri

Membabi buta

Buah pena

Kera sumbang

Iri hati

Anak kapal

Petak B

Berita belum tentu benar

Terburu-buru melakukan sesuatu
tanpa berfikir dahulu

Dengki atau cemburu

Percakapan yang sopan dan tertib

Keadaan wajah seseorang

Karya atau hasil tulisan seseorang

Kelasi atau petugas dalam kapal

Memohon keluar dari sesuatu majlis

Tidak berkawan atau suka
mengasingkan diri

B. Tuliskan simpulan bahasa yang sesuai berdasarkan ayat di bawah.

AYAT	JAWAPAN
1. Semua (anak kapal, anak tiri, anak angkat) tidak dibenarkan mendarat ke Pelabuhan Kuala Belait selama enam bulan.	
2. Pak Abu dan keluarganya (langkah seribu, minta diri, langkah kanan) untuk meninggalkan majlis kenduri tersebut kepada tuan rumah.	
3. Siti merasa (iri hati, isi hati, kata hati) akan kecantikan anak ketua kampung itu.	
4. Salim telah dipulaukan oleh kawan-kawanya kerana sikapnya yang (panjang tangan, buah tangan, pisau cukur) sejak dari sekolah lagi.	
5. Mariam tidak percaya (batu api, khabar angin, campur tangan,) yang disampaikan oleh Abu semalam.	
6. Abu terkenal dengan sikapnya sebagai (kera sumbang, kutu embun, kacang hantu) di dalam kelas mereka.	
7. Buku yang dikarang oleh Siti merupakan (buah pena, buah tangan, tanda mata) yang dihasilkannya dua tahun lalu.	
8. Salleh (membabi buta, keras hati, ambil tahu) dengan memukul Husin tanpa mendengar apa yang telah diberitahu oleh Halim.	
9. (Air muka, hidung tinggi, kepala angin) Fatimah menjadi merah setelah mendengar bahawa anaknya telah mencuri di kedai Pak Abu semalam.	
10. Walaupun Johari kelihatan bengis tetapi dia seorang yang (naik angin, budi bahasa, alas cakap,) apabila berbicara dengan orang lain.	